Mengapa Shamsiah Dilarang Pulang?

"Secara peribadi saya benar-benar merasakan sentuhan rasa yang memilukan apabila rayuan daripada rasa keinsafan yang mendalam seorang insan yang bernama Shamsiah Fakih ini. Dia mengharapkan belas kasihan pihak berkuasa agar dibenarkan kembali dan ingin mati di tanah tumpah darahnya, lebih-lebih lagi dalam umurnya yang sudah meningkat tua."

Oleh TAN SRI DATO' A. SAMAD BIN IDRIS



Perjanjian perletakan senjata Parti Komunis Malaya pada akhir tahun 1989.

Sokongan saya agar Shamsiah Fakih dibenarkan pulang ke tanahair dan dibebaskan bukan bererti dia bebas seperti seorang pelancong yang datang ke negara ini atau sebagai seorang rakyat Malaysia yang baru balik melancong dari luar negeri.

Kebebasan yang saya maksudkan samalah seperti yang diberikan kepada Musa Ahmad, Ibrahim Baba, Wahi Annuar, Zaiton dan ramai lagi orang Melayu yang terlibat dalam pemberontakan bersenjata komunis dahulu. Mereka semuanya telah menyerah diri beberapa tahun yang lalu dan dikenakan syarat-syarat pengampunan sebelum dibebaskan, tetapi mereka tidak dihukum melalui mahkamah.

Peristiwa menandatangani perletakan senjata anggota-anggota Parti Komunis Malaya (PKM) pada akhir tahun 1989 bererti, berakhirlah sudah pemberontakan bersenjata komunis di negara kita. Satu peristiwa yang menjadi kenangan sejarah hitam yang melanda negara sejak diisytiharkan Darurat pada 1 Februari 1948.

Meskipun undang-undang darurat telah berakhir secara rasmi pada tahun 1960 tetapi pemberontakan bersenjata komunis belum berakhir terutama di sempadan Negeri Thai. Kalau Chin Peng, Rashid Maidin dan tokoh-tokoh besar komunis serta lebih seribu orang pengikutnya telah meletakkan senjata dan diberi pengampunan, mengapa tidak dengan Shamsiah Fakih? Inilah soalnya.

Kalau disorot kembali peristiwa-peristiwa yang telah berlaku, pahit-maung dan padah yang telah menimpa rakyat Malaysia sejak berpuluh-puluh tahun akibat daripada perlakuan kejam pengganas komunis ini tentunya timbul perasaan dendam membara kerana tidak sedikit jiwa yang telah melayang dan penderitaan yang telah dialami terutama sanak-saudara dan keluarga mereka yang telah menjadi korban.

Tentunya kita semua masih ingat akan nama Musa Ahmad, tokoh utama PKM yang telah kembali ke pangkuan negara. Walaupun tempat tinggalnya dirahsiakan demi keselamatan dirinya, tetapi yang jelas dia telah bebas dan tidak menerima apa-apa hukuman.

Begitu jugalah hendaknya dengan Shamsiah Fakih, jika dia diberi kesempatan balik ke tanah tumpah darahnya sendiri. Proses pemulihan dan soal siasat perlu dilakukan sebelum dia dibenarkan menyedut udara kebebasan seperti halnya dengan rakan-rakannya yang lain.

Dalam soal ini saya tidak merasakan sesuatu yang berat dalam pertimbangan untuk memberikan kesempatan kepada Shamsiah Fakih setelah kerajaan menerima perletakan senjata komunis dan memberikan pengampunan kepada pengganas komunis ini.

Shamsiah Fakih menurut berita yang saya ketahui sudah meninggalkan perjuangannya dalam hutan sejak bertahun-tahun dahulu (masanya saya tidak tahu dengan tepat tetapi saya diberitahu oleh seorang teman di Indonesia bahawa Shamsiah Fakih telah menetap di Jakarta ketika Presiden Soekarno masih memegang kuasa pada awal tahun 60-an). Ini dapat diertikan ketika zaman konfrontasi hampir atau sudah bermula. Saya pernah ditunjukkan oleh teman ini rumah tempat tinggal nya bersama-sama dengan suaminya sekarang yang kalau tidak silap, namanya Ibrahim.

Sesudah Soeharto mengambil alih kepimpinan Indonesia dan seterusnya menjadi Presiden, Shamsiah dan suaminya telah meninggalkan Indonesia kira-kira dalam tahun 1963 atau 1964. Menurut beritanya mereka telah pergi ke Hanoi. Mengapa mereka meninggalkan Jakarta tidak pula diketahui, tetapi ada berita yang menyebutkan bahawa mereka tidak diingini oleh pemerintah kerana kegiatan pada masa lampaunya dengan komunis.

Tiba-tiba dua tahun yang lalu tersiar berita dalam *Utusan Malaysia* bahawa Shamsiah dan suaminya sudah berada di Beijing, China dan menyatakan keinginannya untuk balik ke Malaysia. ●

Shamsiah Fakih dan Tafsiran Sejarah



Oleh RUSTAM A. SANI

Soekarno pernah menyatakan bahawa "hanya bangsa yang besar yang akan mengenal wiranya." Agak sukar untuk dimengerti mengapakah tugas mengenal wira ini terlalu sukar bagi sesatu bangsa. Tetapi nasib Soekarno sendiri, baik pada bahagian akhir hayatnya mahupun setelah beliau meninggal dunia, telah memperjelaskan masalah tersebut.

Untuk beberapa lamanya sikap rasmi dan tidak rasmi di Indonesia tidaklah begitu pasti terhadap Soekarno. Sikap itu berubah daripada sikap kurang menyanjung kepada sikap yang lebih menghargai, apabila pentafsiran tentang peranan sejarahnya menjadi lebih diperjelas oleh jarak waktu. Ternyatalah bahawa pentafsiran sejarah yang amat kompleks inilah yang menyebabkan sesuatu bangsa itu sukar mengenal wiranya.

Dan suatu bangsa yang belum menyelesaikan masalah pentafsiran sejarahnya itu ternyatalah suatu bangsa yang belum dapat menghuraikan proses sejarahnya, keperibadian politiknya yang telah terbentuk, dan arah pertumbuhannya pada masa hadapan. Bangsa yang demikian (yang tidak mengenal sejarah dan wiranya) nyatalah bukan bangsa yang besar.

Sebagai satu bangsa, kita memperlihatkan segala unsur kekeliruan pentafsiran sejarah ini apabila berhadapan dengan tugas menentukan sikap kita teradap Shamsiah Fakih, tokoh (atau "tokoh" dalam tanda kurung menurut editor *DM*) yang telah diperkatakan oleh majalah ini sejak beberapa bulan yang lalu.

Meskipun peranan dan sumbangan tokoh tersebut sebagai "sang pemula" yang telah mencetuskan kesedaran bangsa kita tentang keperibadiannya sebagai satu bangsa sudah jelas bagaikan matahari siang, namun penglibatannya dengan gerakan bawah tanah komunis telah meninggalkan kekacauan besar dalam pentafsiran sejarah itu.

Sebahagian besarnya tanggapan tentang gerakan komunis itu sendiri tampaknya dicirikan oleh pemahaman yang amat dangkal tentang gerakan komunis dan fahaman Marxisme pada umumnya – sebagaimana yang jelas kelihatan pada catatan-catatan tentang komunisme dan Marxisme yang mengiringi rencana-rencana tentang Shamsiah Fakih itu. Terlalu banyak unsur pemahaman "kedai kopi" dan propaganda perang dingin Amerika tampaknya mempengaruhi pemahaman tersebut.

Oleh sebab itulah penulis rencana tersebut, Fatini Yaacob, dan editor *DM* amat jelas sikap *hostile* mereka terhadap tokoh tersebut. Soalan-soalan temuramah Fatini ternyata amat kuat unsur "dakwaannya" dan editor *DM* pula dengan pasti sekali menganggap Shamsiah Fakih sebagai terlibat dalam satu perjuangan yang "hendak menghancurkan kita, negara kita dan cara hidup kita."

Sikap mereka ini tampaknya disertai pula oleh tokoh-tokoh yang mempunyai latar belakang ketenteraan (yang telah menjadi "mangsa" perjuangan Shamsiah Fakih) dan para ahli politik yang lebih muda. Para tokoh yang lebih tua, yang telah terlibat dalam zaman perjuangan zaman Shamsiah Fakih itu sendiri (tidak kira di pihak mana mereka berjuang sekarang), dan tentunya kaum keluarga Shamsiah Fakih sendiri, tampaknya memperlihatkan sikap yang lebih bersimpati dan lebih mengerti.

Pengkisahan ini sama sekali tidak menyerlahkan keistimewaan peranan tokoh itu sebagai "sang pemula" – bakat dan kecekalan yang telah digemblengkannya untuk menentang kuasa penjajah yang paling perkasa di dunia ketika itu, di tengah-tengah sebuah masyarakat yang belum sedar dan malah banyak pula yang tanpa renungan mendalam, telah bekerjasama dengan kuasa penjajah itu. (Hakikat ini malah berlipat kali ganda pula nilainya jika diingat bahawa tokoh ini merupakan seorang wanita).

Tidaklah jelas terjelma dalam pengkisahan ini dilema yang dihadapi oleh para pejuang nasionalis golongan rakyat Melayu apabila kuasa penjajah itu memutuskan untuk melindungi gerakan politik yang konservatif dan menghapuskan gerakan yang radikal. Pilihan yang ada pada mereka hanyalah: dipenjarakan; menyertai perjuangan bawah tanah (bersama-sama dengan perjuangan "komunis" tentunya); atau lari ke tempat-tempat lain (seperti Indonesia).

Tidak dihuraikan dalam pengkisahan ini bahawa dalam bahasa politik, perjuangan radikal dan percaturan "perang dingin" sedunia tahun-tahun lima puluhan dan enam puluhan, kemerdekaan tahun 1957 dan pertumbuhan awal negara ini sukar dapat diterima atas asas perbezaan ideologi yang mendalam. (Sikap pro-Barat negara ini dalam konteks bahasa perang dingin itu kemudiannya dibuktikan sendiri dalam kajian oleh tokoh golongan itu seperti Datuk Abdullah Ahmad).

Jadi tidaklah menghairankan jika pejuang-pejuang yang telah lari ke bawah tanah itu tidak begitu mudah menyerah, sebaliknya meneruskan perjuangan. Malah tokoh-tokoh yang dulunya dipenjara, setelah dibebaskan, hampir semuanya menyertai atau memimpin perjuangan politik pembangkang. Hanya sekarang, setelah perbezaan ideologi yang ditakrifkan oleh percaturan perang dingin itu sudah tidak relevan lagi, maka barulah kelihatan usaha untuk kembali ke dalam masyarakat.

Semua ini merupakan latar belakang sejarah yang kompleks – memerlukan pentafsiran yang rapi dan mendalam – yang menyukarkan kita mentafsirkan sumbangan para wira negara ini. Tafsiran psikologi tentang baik atau jahatnya watak Shamsiah Fakih itu tidaklah akan menyelesaikan kekalutan pemahaman sejarah kita. Kita tidak harus terperangkap dalam kedangkalan pemahaman yang bersifat propaganda perang dingin dalam mentafsirkan sejarah nasionalisme dunia ketiga.

Yang anehnya, terdapat sejumlah "tokoh" yang selama zaman penjajahan bekerja untuk kepentingan panjajah, setelah kemerdekaan mendapat segala kemudahan – gaji, kedudukan, bintang dan pangkat – dari negara yang telah merdeka, dan kemudiannya diagung-agungkan sebagai "wira". Malah ada pula para cendekiawan *careerist* yang menulis buku-buku untuk mengagung-agungkan kewiraan mereka ini.

Masalah mentafsir peranan Shamsiah Fakih ini membuat saya lebih mengerti kini mengapa Soekarno membuat kenyataan yang demikian. Mengenal wira sesuatu bangsa itu memerlukan pentafsiran yang mendalam lagi tepat tentang sejarah bangsa itu. Bangsa yang telah mengalami sejarahnya adalah bangsa yang telah mengenal diri dan keperibadiannya – oleh yang demikian bangsa itu merupakan bangsa yang besar. ●

Rustam A. Sani ialah Fellow Kanan di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia.

AWAS Pimpinan Shamsiah Mengatur Strategi Menentang Penjajah

Oleh FATINI YAACOB (Bahagian Keempat)

Kajian kali ini menekankan persoalan siapakah yang mempelawa Shamsiah menyertai PKMM serta pernikahannya kali ketiga. Persoalan pelawaan ini akan membongkar pula soalan lain – siapakah orang kuat di belakangnya atau siapakah *godfather* yang menonjolkan Shamsiah ke dalam PKMM yang dianggap istimewa?



Adakah dia diundang khas sebagai ketua AWAS? Pernikahannya sebagai ketua AWAS (wanita) dengan ketua API (pemuda), merupakan penemuan baru dalam kajian ini. Pernikahan ini membawa erti yang jauh lebih istimewa kepada kemantapan serta kekuatan parti dan Shamsiah secara peribadi.

Penyertaan Shamsiah Fakih ke dalam Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada kira-kira pertengahan tahun 1946 bukanlah secara tiba-tiba atau tanpa sedar. Shamsiah Fakih telah lama celik tentang perjuangan memerdekakan negara. Pelawaan orang-orang kuat PKMM supaya beliau menyertai perjuangan memerdekakan negara; dengan cara yang lebih tersusun diterima oleh Shamsiah dengan penuh azam.

Bagaimanapun fakta siapa sebenarnya yang membawa Shamsiah ke dalam PKMM menjadi tanda tanya. Saya mendapati terdapat dua sumber yang menyimpan maklumat tentang kemasukan Shamsiah. Sumber pertama daripada buku Ahmad Boestamam (sekarang Allahyarham). Dalam buku tersebut, *Merintis Jalan ke Puncak*, Ahmad Boestaman menceritakan bagaimana Shamsiah Fakih dibawa ke dalam PKMM.

Menurutnya Shamsiah diperkenalkan oleh Musa Ahmad (bekas Jawatankuasa Pusat PKMM, BATAS, kemudian bekas Pengerusi Parti Komunis Malaya) yang semasa itu bertugas di Seremban selaku Pesuruhjaya PKMM bagi Negeri Sembilan. Dipercayai Musa Ahmad mengenali Shamsiah semasa di sini.

Menurut Ahmad Boestamam, "Apabila Musa mengetahui tentang Ketua Jabatan Wanita Pusat sudah tidak ada lagi (Aishah Ghani meletakkan jawatan sebagai Ketua Jabatan Wanitanya), dia lantas datang ke Kuala Lumpur membawa bersama-sama Shamsiah Fakih sekali. Dia mengusulkan kepada kami supaya Shamsiah diberikan jawatan sebagai Ketua Jabatan Wanita PKMM pusat itu. Berbagai-bagai yang dikatakannya untuk mempengaruhi kami. Pujiannya ke atas Shamsiah tinggi melangit."

Menurutnya lagi, "Dan kerana Shamsiah memang boleh bertugas, apatah lagi pandai pula berpidato sehingga tidak kalah daripada Aishah Ghani, maka apa yang diusulkan oleh Musa Ahmad itu kami terima. Demikianlah mulanya Shamsiah Fakih mengambil alih jawatan sebagai Ketua Jabatan Wanita Pusat itu".

Sumber yang kedua tentang kemasukan Shamsiah dalam PKMM saya perolehi daripada Aishah Ghani (sekarang Datin Paduka Hajah) sendiri. Sewaktu diwawancara, beliau menyebutkan kisah bagaimana Shamsiah boleh terlibat dengan PKMM dan mengambil tempatnya selaku Ketua Wanita.

Menurut beliau sebelum berhenti daripada mengetuai AWAS beliau telah diminta mencarikan orang lain bagi menggantikan tempatnya. Beliau teringatkan Shamsiah kerana semasa tinggal bersama-sama kakaknya di Kuala Pilah beliau sering bertemu Shamsiah. Beliau telah lama mengenali Shamsiah kerana belajar bersama-sama di sekolah di Padang Panjang, Sumatera Barat. Sewaktu bertemu Shamsiah di Kuala Pilah, Shamsiah memintanya menolong mencarikan pekerjaan.

Beliau kemudian mendapatkan Shamsiah di Kuala Pilah dan membawa beliau ke Kuala Lumpur. Beliau telah menghadiahkan Shamsiah sepasang kasut merah setelah melihat keadaan Shamsiah yang hidup serba susah selepas pemerintahan Jepun itu.

Menurut Aishah Ghani, apabila sampai ke pejabat PKMM, "Semua yang ada di situ nampaknya seronok menerima Shamsiah yang ketika itu berumur 21 tahun. Ahmad Boestamam yang ada di situ ketika itu, terus mengusik dengan mengatakan 'Mak Inang, pandai cari' (Mak Inang adalah nama ruangan pojok yang dikendalikan oleh Aishah Ghani dalam akhbar PKMM, *Pelita Malaya*). Pada ketika itu Aishah Ghani terus meningkah, "Shamsiah orangnya tahan dan boleh pergi jauh."

Cara Shamsiah dibawa masuk ke dalam PKMM sebenarnya penting untuk dikaji dan kemungkinan berkaitan dengan perjuangan Shamsiah selepas darurat. Bagaimana hal ini akan dijelaskan dalam keluaran *DM* akan datang. Yang nyata di sini Shamsiah mempunyai kedudukan yang istimewa dan tersendiri dalam parti. Shamsiah tidak masuk secara biasa atau sebagai ahli biasa. Dia terpilih dan diundang khas bagi memikul tanggungjawab sebagai Ketua Wanita PKMM (atau nama singkatan yang lebih popular – AWAS – Angkatan Wanita

Sedar). Ini merupakan pengiktirafan terhadap keupayaan dan bakat kepimpinan yang ada padanya.

Kalau tanpa sebarang kebolehan dan bakat kepimpinan yang terserlah tidak mungkin Shamsiah boleh diterima dan terus diangkat menjadi Ketua AWAS. Dengan rupanya yang cantik, gayanya yang kemas, ditambah dengan kehebatan pidatonya Shamsiah dengan mudah dapat menakluki hati pimpinan lelaki di dalam PKMM untuk berjuang bersama-sama mereka. Tambahan pula Shamsiah kini janda, setelah bercerai dengan Rusdi di Bagan Serai. Gelaran janda ini memudahkan gerak dan langkahnya untuk bersama-sama pimpinan lelaki ke serata negeri menubuhkan cawangan AWAS.

Pada zaman anak dara masih dipingit, kebolehan menekat dan memasak yang lebih diutamakan daripada menuntut ilmu, peraturan pergaulan yang ketat di antara lelaki dan wanita serta tugas wanita hanya untuk menunggu kahwin dan menghasilkan sebanyak-banyak zuriat, Shamsiah bangun memecah kekolotan ini. Dengan berganding bahu bersama-sama kaum lelaki, beliau menyedarkan kaum wanita dan lelaki tentang hak-hak dan peranan besar mereka dalam mencorakkan masa depan negara.

Menurut Ahmad Boestamam lagi dalam bukunya, "Di bawah tadbir Shamsiah, wanita PKMM tambah teratur susunannya dan maju gerakannya. Bukan sahaja di negeri-negeri wanita PKMM ada, bahkan di kampung-kampung juga."

Shamsiah selaku Ketua AWAS sering bergerak bersama-sama dengan bahagian pemuda di dalam PKMM atau API (Angkatan Pemuda Insaf) di bawah pimpinan Ahmad Boestamam; ke merata negeri. Sehinggakan setiap negeri yang mempunyai cawangan API akan tetap ada cawangan AWASnya.

Pidato-pidato Shamsiah mengandungi isi yang merangsang semangat dan menyedarkan wanita-wanita kampung tentang keperluan membangunkan diri masyarakat dan memerdekakan negara daripada penjajah.

Isi Pidato Shamsiah

Pidato-pidato Shamsiah mengandungi isi yang merangsang semangat dan menyedarkan wanita-wanita kampung tentang keperluan membangunkan diri masyarakat dan memerdekakan negara daripada penjajah. Sebagai seorang ustazah, Shamsiah merangsangkan fikiran mereka dengan dalil-dalil daripada al-Quran dan hadis tentang kedudukan dan peranan wanita di dalam Islam. Sirah Rasulullah dengan kegiatan isteri-isterinya di luar rumah dan menuntut ilmu sering dijadikan contoh sebagai penguat hujahnya.

"Isteri Rasulullah s.a.w. yang paling muda – Saidatina Aishah adalah orang yang begitu dalam ilmunya terutama tentang hadis. Dan beliau menjadi pakar rujuk hadis yang terkenal selepas kewafatan Rasulullah. Imam-imam besar Islam yang kesemuanya lelaki merujuk kepada beliau. Bukti ini sudah jelas menunjukkan bahawa kedudukan dan peranan wanita jauh lebih besar dan bermakna daripada hanya dapur dan anak-anak. Oleh itu marilah kita bersama-sama menuntut ilmu kerana ilmu itu tidak hanya untuk lelaki tetapi juga diwajibkan untuk wanita."

Shamsiah juga sering mengingatkan wanita dalam pidatonya "Untuk mengejar kemerdekaan, kita harus berganding bahu dengan lelaki. Kita tidak boleh berpisah dengan lelaki kerana kita umpama sayap kiri dan lelaki umpama sayap kanan. Sekiranya sayap kiri tidak bergerak, sayap kanan tidak boleh terbang."

Dalam waktu-waktu yang lain terutama apabila majlis pidatonya umum dan terbuka untuk lelaki Shamsiah seringkali menekankan soal kesedaran membebaskan tanahair daripada penjajah. Beliau akan membuka pidatonya dengan pendedahan pelbagai sistem pemerintahan yang ada di dunia ini seperti komunis, kapitalis, sosialis dan demokrasi. Beliau juga mendedahkan tentang negara-negara di Asia yang lain yang turut berjuang membebaskan negara daripada penjajahan seperti Burma, India dan Vietnam. Sementara Indonesia telah pun berjaya melalui perjuangan berdarahnya; memproklamirkan kemerdekaan.

Dengan pekikan "Merdeka" dan pekikan perjuangan "AWAS!" yang tersendiri (sewaktu pekikan ini diteriakkan, tangan kanan digenggam dengan jari telunjuk ditegakkan seperti isyarat memberi amaran) Shamsiah berjaya membakar semangat penduduk kampung di mana-mana sahaja dia berada; menyebabkan cawangan AWAS berkembang dari hari ke hari.

Koleksi: Mahan Chik



Shamsiah Fakih (kiri) memegang sepanduk bersama-sama Habsah (isteri Pak Sako): Berarak sempena Kongres PKMM di Melaka.

Sumbangan Besar AWAS Kepada PKMM

Oleh kerana PKMM adalah parti politik yang dianggotai oleh golongan rakyat biasa dan bukan diasaskan daripada kalangan bangsawan atau elit Melayu, parti ini sering menghadapi masalah kewangan untuk melicinkan pergerakan dan perkembangannya.

PKMM dapat bergerak dengan derma dan jualan akhbar lidah rasminya *Pelita Malaya* dan *Suluh Malaya*. Akhbar-akhbar ini seringkali menyiarkan nama-nama



Koleksi: Manan Chik

Shamsiah Fakih (berdiri di meja) sedang berucap di Stadium TPCA, Kampung Baru Kuala Lumpur, 1946.

orang yang menderma kepada parti di muka hadapannya.

Pembiayaan makan minum dan tempat tinggal pemimpin parti didapati melalui wang tabung hasil derma orang ramai. Selain daripada itu mereka akan meminta setiap negeri yang didatangi oleh pimpinan PKMM agar membiayai segala perbelanjaan untuk menjimatkan wang tabung.

Shamsiah Fakih bersama-sama Jawatankuasa Pusat AWAS yang terdiri daripada setiausaha, Zainab Mahmud (kini Allahyarham, isteri Musa Ahmad); Bendahari, Aishah Hussein (isteri Ishak Hj. Muhammad sekarang); Fatimah Hj. Abu Kassim (Jawatankuasa Penerangan), Rahman Hj. Hussien dan ahli-ahli jawatankuasa lain mula memikirkan cara bagaimana mereka boleh mencari jalan mendapatkan wang untuk kegunaan parti.

Rumah ibu Aishah Hussien di Hulu Langat Selangor, seringkali menjadi tempat perjumpaan dan mesyuarat wanita AWAS. Tempat itu menjadi pilihan kerana keadaannya yang lebih selesa dan ibu Aishah yang "tidak kisah". Kebetulan pula dua abangnya turut serta bergiat di dalam parti. Fatimah Abu Kassim yang juga Ketua AWAS Jenderam (sebuah kampung orang Minang yang terkenal di Selangor kerana seluruh orang kampung dipindahkan oleh British ke Kluang, Johor dan rumah-rumah dibakar semasa darurat) semasa perjumpaan di rumah tersebut mencadangkan supaya AWAS mendapatkan wang melalui cara yang telah dijalankan di kampungnya.

Menurut beliau sewaktu diwawancara, adalah sukar untuk mengutip wang dengan sejumlah yang tertentu pada sesuatu masa kerana pendapatan penduduk kampung kecil atau tidak menentu. Oleh itu dia mengesyorkan supaya kaum wanita yang bekerja sawah atau menoreh getah memperuntukkan dalam tabung sejumlah kecil wang daripada hasil pendapatan sehari.

Untuk yang tidak bekerja; ketika mereka memasak, wanita-wanita tersebut diminta mengasingkan segenggam beras setiap kali memasak ke dalam satu bekas supaya boleh dikumpulkan pada hujung bulan. Beras yang terkumpul ini boleh dijual bagi mendapatkan wang dan diserahkan kepada parti.

"Cara berdikit dan mengumpul ini memberikan pulangan yang baik setiap bulan kepada kewangan parti." Demikian penjelasan Fatimah Abu Kassim.

Shamsiah Fakih setuju dan kemudian menggerakkan jawatankuasanya, berasaskan idea ini untuk meminta kerjasama agar seluruh cawangan dan negeri bergerak aktif mengumpul wang melalui cara ini. Selain daripada itu pada setiap kali mesyuarat Shamsiah meminta supaya wanita boleh menderma apa saja yang terdaya sama ada wang atau barang-barang kemas.

Ada di antara wanita-wanita ini yang melucutkan rantai, cincin atau subang yang dipakai untuk dijual bagi mendapatkan wang untuk kegunaan parti. Walaupun sayu namun masing-masing berbangga dapat berbakti kepada parti.

Melalui kutipan bulanan seperti ini AWAS memberikan sumbangan yang besar kepada parti. Selain disedarkan tentang perjuangan kemerdekaan, mereka juga disedarkan tentang pengorbanan wang ringgit, tenaga dan kalau perlu darah dan nyawa untuk mencapai cita-cita kemerdekaan.

Shamsiah Bernikah Dengan Ahmad Boestamam

Fakta ini tidak ramai diketahui oleh orang awam sehingga kini. Hanya beberapa orang yang rapat dengan pucuk pimpinan parti mengetahui hal pernikahan Shamsiah dan Ahmad Boestamam. Saya mendapat fakta ini daripada adik angkat Shamsiah Fakih – Ustaz Hashim Ghani, kemudian disahkan oleh orang lain di dalam parti seperti Aishah Ghani, Wahi Annuar, juga Ishak Hj. Muhammad (Pak Sako).

Ahmad Boestamam sendiri pun langsung tidak menyebut tentang hal pernikahan ini di dalam bukunya. Beliau hanya menyentuh tentang Shamsiah sepintas lalu sahaja dan melebihkan pula kisah Datin Sakinah Junid dalam bab "Tenaga Wanita dalam PKMM". Padahal penglibatan Shamsiah dan sumbangannya tidak ternilai kepada parti dan masyarakat khususnya kaum wanita Melayu ketika itu. Tidak diketahui apakah motif sebenar beliau menyembunyikan fakta ini; boleh jadi beliau tidak mahu mengaitkan soal peribadi dengan perjuangannya.





Zainab Mahmud bekas setiausaha AWAS, juga isteri kepada Musa Ahmad (kiri) dan Aishah Hussein isteri Pak Sako sekarang.

Bagaimanapun kisah pernikahan Shamsiah - Ahmad Boestamam merupakan satu hal yang sangat menarik. Pertama: kerana ini adalah perkahwinan ketiga Shamsiah dan kedua pasangan ini sama-sama terkenal dan sama hebat orangnya dalam perjuangan parti.

Shamsiah cantik, lantang dan berapi pidatonya – sementara Ahmad Boestamam

pula segak, tahan uji dan tegas dengan pidato yang boleh menggegar dan menggugah semangat pendengarnya. Gandingan kedua-duanya ini memberikan kekuatan yang tersendiri kepada parti.

Ahmad Boestamam mungkin telah lama menyimpan rasa terhadap Shamsiah. Kemungkinan besar sejak pertama kali diperkenalkan oleh Aishah Ghani sebagai penggantinya. Menurut beberapa orang yang saya temui yang mengetahui sejarah perkahwinan ini, Shamsiah dikatakan sering menggiat dan mencabar Ahmad Boestamam sebagai pemimpin kuat API kerana sumbangan anggota-anggota API tidak jelas seperti anggota-anggota AWAS kepada parti.

Shamsiah hanya olok-olok dan tidak bermaksud apa-apa. Bagaimanapun Boestamam menerima cabaran ini dan terus berazam memberhentikan kata-kata sinis Shamsiah dengan menjadikan Shamsiah sebagai isterinya.

Menurut Haji Manan Chik, bekas Setiausaha PKMM Negeri Sembilan, pernikahan mereka berlangsung sebaik sahaja Kongres Kedua PKMM di Melaka pada 25 Disember 1946. Tidak siapa pun yang saya temui dapat mengesahkan tarikh pernikahan mereka yang rasmi, tetapi berkemungkinan dilangsungkan pada awal Januari 1947.


Ustaz Hashim Ghani selaku Ketua API, Kuala Pilah bersama-sama Jawatankuasa Pemuda API-nya menjadi pengiring Ahmad Boestamam pada majlis pernikahan tersebut. Rombongan pengantin lelaki menumpang di rumah Shamsuddin Salleh (Allahyarham) Jawatankuasa Pusat (Buruh) PKMM di Jalan Bahau, Kuala Pilah. Rumah ini terletak kira-kira lima km dari rumah Fakih Sutan, ayah Shamsiah.

Pernikahan ini turut disaksikan oleh orang-orang kampung yang dijemput ke majlis kenduri pernikahan ini. Lebih daripada 100 orang kampung datang memeriahkan majlis itu. Bapanya sendiri Fakih Sutan menikahkan mereka. Selepas pernikahan ini mereka berdua kembali pagi esoknya ke Kuala Lumpur bagi meneruskan perjuangan. Perkahwinan ini ternyata memberi era baru dan makna yang tersendiri kepada Shamsiah yang memang menginginkan seorang suami yang memahami perjuangannya. ●

Koleksi: Manan Chik



Shamsiah Fakih (kiri), Ahmad Boestamam, Burhanuddin Helmy dan Jaalam Osman pada 1.12.1946 di Kuala Pilah.



Haji Manan Chik bekas Setiausaha PKMM Negeri Sembilan.

Mengapa Perjuangan PKMM Ditiadakan dalam Sejarah Kemerdekaan?

"Sejarah kemerdekaan Malaysia harus dinilai kembali. Pengiktirafan yang tinggi harus diberikan kepada mereka yang berkorban menentang penjajah dari dalam hutan. Kemerdekaan Malaysia bukan diperoleh sepertimana yang disangka oleh banyak orang..."

Inilah jeritan-jeritan klise yang telah lama dilaungkan oleh bekas nasionalis radikal yang masih hidup hari ini. Jeritan-jeritan ini masih kedengaran walaupun Malaysia telah 33 tahun merdeka! Benarkah demikian layanan yang diterima oleh golongan nasionalis radikal terhadap perjuangan memerdekakan negara? Kalau benar, mengapakah begitu buruk layanan yang mereka terima? Apakah sebenarnya yang tersembunyi di sebalik politik sebelum kemerdekaan?

Seluruh laporan penyiasatan Shamsiah Fakih ini sebenarnya cuba mencari jawapan terhadap persoalan-persoalan ini. Kepada generasi muda yang lahir selepas merdeka, ini adalah cabaran yang besar terhadap kematangan menilai sejarah dan usaha mendapatkan maklumat. Bagi kebanyakan pihak, persoalan-persoalan di atas terlalu sensitif dan pada aspek lain melibatkan pula keselamatan negara.

Perjuangan kemerdekaan, konsep Melayu Raya, nasionalis kiri, nasionalis kanan, PKMM, PKM, Umno "Merdeka dengan darah!", "Hidup Melayu! Sehingga ke titisan darah terakhir!", hartal, darurat, komunis, gerila dan pengganas, adalah perkataan-perkataan biasa sebelum merdeka.

Bagi generasi ketika itu, perkataan-perkataan ini membawa erti yang sungguh bermakna. Sebagaimana banyaknya perkataan-perkataan tersebut, dengan latar belakang yang berbeza dan sejarah yang tersendiri demikianlah kompleksnya melihat sejarah perjuangan kemerdekaan. Di tengah kemelut kemerdekaan ini tidak hairanlah kalau ada pihak-pihak yang berusaha untuk memadamkan jasa sesuatu pihak demi kepentingan politik, kuasa dan nama.

Penubuhan PKMM

Untuk melihat perjuangan golongan nasionalis radikal atau 'kiri', kita harus bermula daripada sejarah penubuhannya. Kita juga harus memahami bahawa istilah kiri yang dimaksudkan di sini ditujukan kepada parti-parti yang tidak bersetuju un-


Mokhtaruddin Lasso: Salah seorang pengasas PKMM.

tuk bekerjasama dengan British atau berpendirian *non-co-operation* dengan British.

PKMM diasaskan penubuhannya oleh Mokhtaruddin Lasso, Ahmad Boestamam dan Musa Ahmad; di Ipoh, Perak pada bulan September 1945. Walaupun menurut bukunya Ahmad Boestamam mengatakan bahawa parti ini bukan lanjutan daripada KMM (Kesatuan Melayu Muda di bawah pimpinan Ibrahim Yaakob), namun jelas sekali bahawa ahli-ahli jawatankuasa penaja terdiri daripada bekas-bekas anggota KMM. Begitu juga corak perjuangannya. Mereka yang dimaksudkan ialah Ahmad Boestamam sendiri, Musa Ahmad dan Ibrahim Karim. Musa Ahmad adalah lulusan Sekolah Agama al-Mahsyoor yang terkenal di Pulau Pinang, serta Sekolah Lanjutan Anglo-Chinese di negeri yang sama. Menurut pengakuan beliau sewaktu penyerahan diri pada tahun 1980 beliau mengikuti kelas-kelas doktrin komunis sejak tahun 1945. Ini bererti kelas yang diikutinya selari dengan penyertaannya dalam PKMM.

PKMM merupakan parti radikal nasionalis yang akhir sebelum merdeka; atau yang ditubuhkan selepas Perang Dunia II. Sebelum itu telah ada Kesatuan Melayu Muda di bawah pimpinan Ibrahim Yaakob dan beberapa pertubuhan rasmi dan tidak rasmi daripada golongan berpendidikan agama dan orang perseorangan yang menentang penjajah.

Penubuhan PKMM sebenarnya menurut Ahmad Boestamam dalam bukunya *Merintis Jalan ke Puncak* dicetuskan oleh Mokhtaruddin Lasso yang berasal dari Indonesia dan bekas ahli MPAJA (Malayan People's Anti Japanese Army). Dia juga dikenali sebagai ahli Parti Komunis Malaya (PKM). Kedatangannya ke Tanah Melayu mungkin kerana melarikan diri dari Indonesia. Dia datang ke pejabat *Suara Rakyat*, akhbar terbitan Ahmad Boestamam dan kawan-kawannya, bersama-sama dengan seorang ahli PKM Arshad Ashaari.

Hasil perbincangan mereka lahirlah PKMM dengan pimpinan Mokhtaruddin Lasso (Yang Dipertua), Dr. Burhanuddin Helmy (NYDP walaupun dia tidak hadir), Dahari Ali (Sêtiausaha), Arshad Ashaari (Bendahari) sementara Ahmad Boestamam sebagai Jawatankuasa Pemudanya. Dalam kongres pertamanya (Disember 1945) Mokhtaruddin Lasso tidak muncul, akhirnya Burhanuddin Helmy kekal sebagai Yang Dipertua PKMM.


Ahmad Boestamam.


Musa Ahmad.


Dr. Burhanuddin Helmy.

Perlembagaan PKMM

PKMM sejak ditubuhkan mengisytiharkan matlamatnya untuk mencapai kemerdekaan penuh atau 100 peratus bagi Tanah Melayu. Ini bererti mereka tidak mahu kemerdekaan bersyarat daripada British. Mereka tidak mahu British mengekalkan kepentingan mereka di Tanah Melayu setelah merdeka. Pendirian mereka ini lebih dikenali sebagai *non-co* dengan British.

Perlembagaan PKMM menyebutkan:

o Untuk menyatukan bangsa Melayu dan menanamkan semangat kebangsaan dalam jiwa orang Melayu dengan matlamat besar untuk menyatukan Malaya dengan Indonesia sebagai Republik Indonesia Raya.

o Untuk memperjuangkan kebebasan bersuara, akhbar, perhimpunan dan kebebasan menyebarkan pengetahuan.

o Untuk meningkatkan ekonomi orang Melayu dengan menegakkan industri, perdagangan dan pertanian.

o Untuk memperjuangkan kebebasan dalam pertanian yang bermaksud cukai tidak dikenakan kepada tanah-tanah pertanian dan petani bebas jual hasil pertanian sesuka hati mereka.

o Untuk memperjuangkan kebebasan mutlak untuk Melayu, mewujudkan sekolah-sekolah kerajaan, menggunakan bahasa mereka sebagai bahasa pengantar.

o Untuk menggalakkan penerbitan buku yang akan mendaulatkan demokrasi dan dalam masa yang sama mengembangkan kedudukan politik Melayu dan jiwa kebangsaan.

o PKMM harus menghubungkan silaturrahim dengan kaum-kaum lain di negara ini untuk membentuk Malaya yang bersatu dan makmur sebagai rakan komponen Republik Indonesia Raya.

o Menyokong pergerakan nasionalis Indonesia untuk mencapai kemerdekaan.

Ciri-ciri Menarik PKMM

Dalam memperkatakan tentang PKMM beberapa ciri yang menarik tentang parti ini harus diperhatikan. Pertama: PKMM bukan sahaja berpendirian tidak akan

bekerjasama dengan British dan mahukan kemerdekaan 100 peratus malahan berhasrat untuk menjadikan Tanah Melayu sebuah republik dan mencantumkan Tanah Melayu dengan Indonesia menjadikan Republik Indonesia Raya; di bawah konsep "Melayu Raya".

Dalam usaha merealisasikan gagasan ini, PKMM mengambil bendera kebangsaan Indonesia – Sang Saka Merah Putih sebagai bendera parti; lagu kebangsaan Indonesia Raya sebagai lagu kebangsaan PKMM yang sering dinyanyikan dalam perhimpunan PKMM.

Gagasan ini mungkin kelihatan janggal pada masa ini. Bagaimanapun sewaktu itu gagasan ini dirasakan wajar kerana hubungan Indonesia - Malaysia telah terbentuk sejak berabad dahulu sebelum penjajahan, terutama semasa keagungan empayar kesultanan Melaka. Ramai di antara orang Tanah Melayu mempunyai saudara di Indonesia dan sebaliknya.

Semasa perjuangan mencapai kemerdekaan di Indonesia, ramai di antara rakyat Tanah Melayu ikut berjuang dengan buluh runcing. Ada pula pihak yang membuktikan Tanah Melayu turut membekalkan senjata kepada golongan nasionalis Indonesia semasa itu. Jadi gagasan tersebut bukanlah satu hal yang patut dipersoalkan.

Ciri kedua yang menarik ialah: penglibatan golongan anggota Parti Komunis Malaya (PKM) dari sejak awal parti ini ditubuhkan. Harus juga diperhatikan di sini bahawa PKM merupakan organisasi yang dihalalkan semasa itu dan komunis tidak menjadi perkataan yang 'dimomokkan' atau 'digeruni' orang. PKMM merupakan pertubuhan ideologi biasa yang walaupun bertentangan dengan Islam daripada segi prinsipnya tetapi diterima oleh orang Melayu akan kelainan dan kehadirannya. Ini tidak bermakna orang Melayu menerima faham komunisme untuk dianuti. Yang pasti komunis bukan ditakuti seperti kebanyakan orang memahaminya hari ini – satu kejayaan hasil *psy-war* British semasa darurat diisytiharkan.

Ciri ketiga yang tidak kurang menariknya ialah: PKMM diasaskan oleh golongan rakyat biasa dan bukan daripada kalangan bangsawan. PKMM juga diterajui dan dianggotai oleh kalangan rakyat biasa yang berlatarbelakangkan pendidikan agama, Inggeris dan Melayu. Cantuman latar belakang 'marhain' dan pelbagai jenis pendidikan ini bagaimanapun memberikan kekuatan yang bermakna kepada PKMM. Keanggotaan ini sama sekali berbeza dengan keanggotaan dan kepimpinan Umno (ditubuhkan setahun lewat daripada PKMM) yang pada peringkat yang sama dianggotai oleh golongan yang berkedudukan di dalam masyarakat.

Bagaimanapun penubuhan PKMM disambut baik oleh masyarakat Melayu yang ketika itu tidak mempunyai satu pun pertubuhan Melayu bercorak nasional. Sesuai dengan sambutan baik tersebut, struktur organisasi PKMM berkembang pesat dalam masa tidak sampai setahun. Perkembangan pertama: pada penubuhan sayap Pemuda yang digelar Angkatan Pemuda Insaf (API) pada 17 Februari 1946, di bawah pimpinan Ahmad Boestamam. Penubuhan API diasaskan secara kebetulan hanya kerana mahu perarakan PKMM di Ipoh diiringi oleh pemuda-pemuda berpakaian seragam tentera.

Penubuhan API

Ahmad Boestamam mengusahakan pemuda-pemuda siap dengan pakaian seragam, lilitan lengan, lambang API dalam masa dua hari untuk mengetuai perarakan PKMM tersebut. Selepas itu API terus dikekalkan dan Ahmad Boestamam terus kekal menjadi ketua API. Walaupun ditimbulkan secara kebetulan, API berjaya dibentuk oleh Ahmad Boestamam menjadi 'barisan pendesak' yang semi tentera dan semi militan dengan slogan "Merdeka dengan darah". API berjaya menakutkan British; sehinggakan API merupakan badan politik pertama diharamkan oleh British sebelum darurat. Sebelum itu, Ahmad Boestamam pernah ditangkap oleh British kerana buku perlembagaan API – *Testatamen Politik API*. Bagaimanapun dia tidak dipenjara kerana berjaya membayar denda.

Perkembangan kedua: perpindahan ibu pejabat PKMM ke Kuala Lumpur dari Ipoh. Perpindahan ke pusat pentadbiran Malaya, pusat kedua selepas Singapura ini mempercepatkan perkembangan pengaruh PKMM di kalangan rakyat serata negara. Perkembangan ketiga; penerbitan akhbar lidah rasmi iaitu *Pelita Malaya* dan *Suluh Malaya* di Kuala Lumpur selain daripada akhbar *Suara Rakyat* dan *Voice of People* di Ipoh.

Penubuhan Umno

Penting juga disebut dalam masa kebangkitan PKMM sebagai sebuah parti kebangsaan orang Melayu, tujuh bulan kemudian lahirlah Umno pada 1 Mac 1946. Umno (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) mendapat nama hasil himpunan badan-badan Melayu yang berselerak di seluruh Tanah Melayu yang dipanggil menghadiri Kongres Melayu Pertama di Kg. Baru pada 1 Mac 1946. Kongres ini menentang *Malayan Union* yang dicadangkan oleh British ke atas Tanah Melayu. PKMM semasa itu turut diundang. Semasa dibahaskan, PKMM mempertahankan usul "menolak Malayan Union tetapi meminta kemerdekaan penuh daripada British." Bagaimanapun usul ini ditolak oleh kongres.



Koleksi: Manan Chik


Perarakan PKMM sempena Kongres Kedua PKMM di Melaka, Disember 1946.

Pada masa tersebut perkataan merdeka belum wujud di kalangan pertubuhan Melayu tersebut. Yang ada hanya slogan 'Hidup Melayu.' Hasil daripada kongres inilah baru ditubuhkan Umno. Agak aneh apabila diperhatikan pertubuhan ini yang memperjuangkan hidup Melayu menggunakan bahasa Inggeris sebagai akronimnya.

Presiden Umno yang pertama ialah Dato' Onn Jaafar, daripada keluarga bangsawan iaitu anak Menteri Besar Johor ketika itu.

Pemisahan PKMM Daripada Umno

PKMM masih menganggotai Umno sehingga ke saat mesyuaratnya yang kedua pada Jun 1946 di Ipoh. PKMM menarik



Koleksi: Manan Chik

Perarakan API di Melaka semasa Kongres Kedua PKMM, 1946.

tentang perjuangan PKMM yang tidak realistik dan hanya angan-angan kosong. Dalam salah satu ruangan editorialnya *The Straits Times* menyebutkan PKMM yang berjuang untuk kemerdekaan dan berkerajaan sendiri sebagai "lack of realism and practicality".

Menjawab tuduhan ini seorang pembaca dalam ruangan surat daripada pembaca (*The Straits Times*, 7 Disember 1946) yang menggelarkan diri sebagai "MNP Member" menyelar penulis editorial tersebut yang tidak tahu apa-apa tentang PKMM ataupun Umno. Tetapi dalam pada tak tahu itu ia lebih cenderung menyokong UMNO. Beliau dengan sinis mengatakan: *"We stand for the dumb Malays masses and the down-trodden improverished peasantry; the Umno is interested in the conservative diehards and the selfish decadent aristocracy."*

diri daripada Umno dengan alasan pemberian undi yang kecil kepada PKMM sebagai sebuah badan yang besar. PKMM disamakan taraf seperti badan-badan Melayu lain yang kecil. Bagaimanapun ini hanya merupakan strategi untuk keluar daripada Umno kerana sepatutnya PKMM menarik diri daripada kongres pertama; yang menolak usul kemerdekaan cara PKMM sejak awal-awal lagi. Menurut Dr. Burhanuddin, PKMM mahu "memberikan peluang dan membuktikan keikhlasan untuk mempertahankan perpaduan di kalangan orang Melayu untuk kepentingan kebangsaan."

Pemisahan PKMM dan Umno adalah berdasarkan prinsip perjuangan. PKMM berjuang untuk kemerdekaan penuh dan marhain sifatnya. PKMM juga bertujuan menubuhkan republik Melayu yang bererti menghilangkan kuasa golongan feudal.

Sebaliknya Umno pada tahap itu melaungkan 'hidup Melayu', boleh bertolak ansur dengan British dalam soal kemerdekaan dan tidak menyetujui kuasa golongan feudal dihapuskan.

Gagasan Persekutuan Tanah Melayu

Perpecahan PKMM dan Umno memberikan ruang yang baik kepada British untuk memilih pertubuhan mana yang *moderate* dan boleh dibawa berunding. British mengambil kesempatan ini untuk mengadakan rundingan dengan golongan yang dipilihnya – sultan-sultan dan Umno,, untuk membentuk gagasan baru iaitu Persekutuan Tanah Melayu bagi menggantikan gagasan Malayan Union.

Wakil-wakil yang terpilih ke persidangan tersebut iaitu enam orang daripada pihak British, empat orang sultan dan dua orang wakil daripada Umno. PKMM tidak diberikan tempat sebagai pertubuhan Melayu yang berpengaruh di kalangan rakyat Melayu terbanyak. Dalam hal ini, Ishak Hj. Muhammad (Pak Sako) selaku Naib Yang Dipertua PKMM dalam *Malaya Tribune* (8 Januari 1947) mempersoalkan tentang gagasan Persekutuan Tanah Melayu. *"A cleverly camouflaged British Colony and Breeding Ground of Imperialism."* Beliau juga mempersoalkan tarikh kemerdekaan yang tidak dinyatakan, bendera kebangsaan, lagu kebangsaan, tentera kebangsaan dan persediaan-persediaan lain yang berbentuk kebangsaan untuk kemerdekaan pada masa depan dari British.

Ishak juga mempertikaikan kedudukan Umno dan keanggotaannya dalam jawatankuasa kerana mendapat hak yang begitu eksklusif untuk mewakili rakyat terbanyak. Beliau menuduh Umno "... tidak mewakili majoriti Melayu. *Members of remaining associations that are still affiliated to Umno mostly* memasuki pertubuhan melalui jalan ancaman atau *coercion*.

Dengan penarikan diri PKMM daripada Umno, orang Melayu mempunyai dua parti yang berbeza dengan dua prinsip perjuangan yang berlainan; walaupun matlamatnya sama iaitu kemerdekaan Tanah Melayu. Dengan Umno dibawa berunding dalam Jawatankuasa Kerja Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu itu dan meninggalkan PKMM, ternyata PKMM tidak mempunyai pilihan lain untuk terus berjuang dengan gigih menentang British dan bersaing dengan Umno; walaupun bukan itu yang dikehendakinya.

Tuduhan Akhbar "Pro-British"

Akhbar-akhbar pada tahun-tahun tersebut rancak membicarakan persoalan tersebut. *The Straits Times* yang diterbitkan di Singapura yang ternyata menjadi 'lidah tidak rasmi' penjajah memperkatakan

PKMM melihat masa depannya kabur dalam usaha menentang penjajah sekiranya parti-parti Melayu yang ada tidak digabungkan. Lama sebelum ura-ura penggabungan ini dibuat, API telah tegak sebagai sebuah badan politik pemuda yang tersendiri dan Barisan Tani SeMalaya atau BATAS telah diwujudkan demi kepentingan petani-petani Malaya.

MATA pula atau Majlis Islam Tertinggi pimpinan Ustaz Abu Bakar al-Bakir yang berpengaruh di Semanggol Perak turut ditubuhkan. Demikian juga Hizbul Muslimin di Semanggol, sebuah parti Islam yang juga diasaskan oleh Ustaz Abu Bakar.

Penubuhan PUTERA

Pertubuhan-pertubuhan ini yang juga kiri sifatnya tidak akan dapat berdiri lama sekiranya tidak bersatu. Akhirnya pada 22 Februari 1947, di markas pusat PKMM di Kuala Lumpur terbentuklah PUTERA atau Pusat Tenaga Rakyat. Badan-badan kiri yang bergabung di bawah PUTERA ini terdiri daripada PKMM, API, AWAS, BATAS, Hizbul Muslimin dan GERAM (Gerakan Angkatan Muda) sebuah gerakan pemuda kiri yang berpusat di Singapura.

Di antara badan-badan ini hanya GERAM sahaja yang tidak merupakan badan "nukleas" daripada PKMM. Ishak Hj. Muhammad dipilih sebagai pemimpin gabungan tersebut. Kedudukan PKMM dengan gabungan badan-badan kiri Melayu atas nama PUTERA memberi sedikit kekuatan kepada PKMM pada zahirnya. Bagaimanapun pada tahap ini PKMM masih belum berjaya menarik perhatian British terhadap kemerdekaan melalui cara yang mereka kehendaki. British lebih memihak kepada Umno yang sifatnya lebih elitis dan tidak radikal. ●



Saya Bukan Pembunuh!

A*khbar* Utusan Malaysia *dan* Utusan Melayu *keluaran 8 Ogos 1987 ada menyiarkan berita kononnya bekas teman sekolah saya mendakwa bahawa saya telah membunuh anak saya yang masih kecil, hasil perkahwinan saya dengan Wahi Anuar, di sebuah kawasan hutan. Anak kecil itu, menurut beliau telah dihempaskan ke atas batu setelah saya dikatakan kecewa dengan tindakan suami saya menyerah diri kepada polis. Musa Ahmad, bekas Pengerusi Parti Komunis Malaya (PKM) yang telah menyerah diri kepada kerajaan Malaysia dalam wawancaranya di televisyen Malaysia pada 6 Januari 1981 ketika menjawab soalan wartawan RTM mengatakan bahawa saya terpaksa mencampakkan bayi saya yang berumur tiga bulan ke dalam sungai kerana bimbang dengan tangsian bayi itu nanti akan membahayakan keselamatan unit pengganas tersebut. Semua keterangan atau tuduhan yang dinyatakan itu adalah tidak benar sama sekali. Tuduhan itu amat mengelirukan dan meninggalkan kesan yang buruk kepada saya. Sebab itulah saya terpaksa membuat penjelasan agar semua pihak mengetahui hal yang sebenarnya dan dengan demikian dapat menjernihkan suasana kecurigaan umum terhadap saya.*

Pada bulan Jun 1948, saya bersama-sama beberapa orang pemimpin Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya puak kiri yang telah diharamkan ketika Undang-Undang Darurat diisytiharkan oleh penjajah British, telah lari ke hutan untuk menyertai perjuangan bersenjata di bawah pimpinan PKM. Pada bulan Ogos 1948, iaitu ketika masih bergerak di kampung-kampung Lubuk Kawah dan di Temerloh, Pahang, saya telah berkahwin dengan Wahi Anuar. Pada tahun 1949 pasukan Melayu dari Rejiman ke-10 termasuk saya dan Wahi Anuar te[lah] bergerak ke utara dari T[e]merloh. Waktu itu saya [se]dang hamil. Dalam per[ja]lanan, kami telah disera[ng] oleh pasukan tentera pe[n]jajah dan akibatnya p[a]sukan kami telah berpeca[h] belah. Peristiwa ini ya[ng] berlaku di Mentakab d[i]kenali sebagai peristi[wa] Padang Piul.

Saya dan Wahi tela[h] berpecah dengan pasuka[n] induk lalu tinggal di sebua[h] khemah. Pengawal per[i]badi Wahi telah diutu[s] untuk membuat hubunga[n] dengan pasukan induk da[n] mencari bekalan makanan. Sementara menunggu hubungan, saya telah melahirkan seorang anak lelak[i] di khemah itu dan Wah[i] Anuar menjadi bidannya. Kebetulan pula Wahi adalah bekas seorang yang berpengalaman tentang perbidanan. Kami tinggal di khemah itu sehingga anak lelaki kami berumur sebulan setengah apabila tempat persembunyian kami telah diserang oleh askar musuh. Wahi telah melarikan diri ke arah bukit sementara saya pula lari ke lereng bukit. Setelah beberapa langkah, saya teringat anak kami masih tertinggal di dalam khemah persembunyian. Saya pun bergegas balik ke khemah dan berjaya menyelamatkannya. Sambil mengendong anak, saya terus melarikan diri dalam hujan peluru. Saya telah berpisah dengan Wahi Anuar dalam kejadian itu. Selama empat hari tiga malam saya merayau-rayau di dalam hutan, sambil mengendong anak, tanpa makanan. Saya dan anak saya hanya minum air hujan.

Dipendekkan cerita, setelah tiga hari saya sesat di hutan, saya sudah putus asa untuk mencari bantuan dan bertekad untuk mati bersama-sama anak saya. Lalu saya membaringkan anak saya di atas tanah dan kemudian merebahkan diri di sisinya, di tepi sebatang pokok kayu besar. Sejurus kemudian saya pun tertidur kerana terlalu letih. Setelah terjaga pada keesokan harinya saya berasa badan saya agak bertenaga, lalu bangkit mengendong anak dan terus berjalan. Mungkin di-

takdirkan umur saya masih panjang kerana sewaktu berjalan-jalan itu saya telah bertembung dengan dua orang lelaki ahli jawatankuasa cawangan PKM kawasan itu yang berketurunan China. Mereka dalam perjalanan ke khemah kami tanpa mengetahui bahawa khemah itu telah diserang musuh. Saya kemudian telah dibawa ke tempat persembunyian mereka.

Setelah tidur semalaman di khemah jawatankuasa cawangan kawasan itu, mereka memberitahu bahawa anak saya yang baru berumur sebulan setengah itu sebaiknya dihantar ke kampung supaya dipelihara dan dibesarkan oleh orang kampung. Kata mereka di dalam revolusi adalah sukar untuk menjaga anak kecil. Musuh selalu menyerang, pasukan selalu berpindah-randah dan makanan pun tidak terjamin. Kata mereka lagi, mereka telah berjumpa dengan orang yang ingin memelihara anak itu. Orang itu adalah seorang China yang akan balik ke negeri China. Anak saya akan dibawa bersama. Mereka berkata China sudah bebas. Di kemudian hari saya akan dapat mencari anak saya itu di negeri China, katanya. Demi perjuangan melawan imperialis British pada masa itu, saya telah bersetuju dengan pendapat mereka meskipun saya berasa sedih dan berat hendak berpisah dengan anak kesayangan saya yang masih kecil itu. Mereka juga memberitahu saya bahawa Wahi Anuar telah menyerah diri kepada kerajaan. Tidaklah saya sangka rupa-rupanya perpisahan saya dengan Wahi Anuar sewaktu diserang dulu merupakan perpisahan untuk selama-lamanya.

Kira-kira pukul 10:00 pagi pada hari kedua itu, anak saya telah dibawa pergi oleh dua orang anggota berketurunan China. Saya ingin menukar kain bedung anak saya itu tetapi mereka mengatakan tak perlu kerana tempatnya tidak jauh dan ibu bapa angkatnya orang kaya. Mereka kelihatannya terburu-buru untuk pergi atas alasan keadaan tidak begitu selamat kerana adanya serangan askar penjajah di kawasan itu. Saya hanya dapat memberikan sehelai tuala putih saja kepada anak saya itu. Kira-kira 2:00 petang hari itu juga, orang yang membawa keluar anak saya itu pulang dengan mengatakan bahawa anak saya itu telah selamat diserahkan kepada orang kampung yang berasa gembira mendapat anak itu. Demikianlah ceritanya.

Saya kemudian dihantar oleh PKM pergi bekerja di Pahang utara, di sebuah organisasi yang terdiri daripada bangsa Melayu. Pada tahun 1952 ketika saya diutus untuk bekerja di bahagian akhbar di Perak, saya telah bertemu dengan Musa Ahmad yang ketika itu adalah seorang anggota Markas Rejimen ke-10. Musa Ahmad yang bertindak mewakili pimpinan PKM telah menyampaikan keputusan PKM yang memberitahu bahawa anak yang saya fikirkan telah dihantar untuk dipelihara oleh orang kampung itu sebenarnya telah dibunuh oleh tiga orang anggota jawatankuasa cawangan di tempat itu. Ini adalah sama sekali di luar dugaan saya. Kata Musa, mengikut disiplin parti si pembunuh itu mesti dihukum mati. Tetapi kerana yang melakukan pembunuhan itu tiga orang, maka tidak patut ketiga-tiga orang itu dihukum mati. Mereka itu adalah tenaga revolusi sedangkan anak kecil yang mati itu belum ada jasanya kepada revolusi. Menurut pendapat parti, jika dihukum seorang saja maka tidaklah adil. Jika dihukum mati ketiga-tiga orang itu maka barulah sepadan dengan kesnya. Oleh itu, pihak PKM memutuskan tidak akan mengambil tindakan menjalankan hukuman mati ke atas ketiga-tiga orang itu tetapi mengenakan hukuman yang setimpal iaitu dengan memberi peluang kepada mereka untuk menebus dosanya melalui kerja-kerja revolusi. Musa Ahmad telah bertanya kepada saya bagaimana fikiran saya tentang keputusan parti itu. Sebab saya masih setia kepada parti dan revolusi maka saya telah menerima keputusan PKM itu dengan perasaan yang tenang. Walau apa pun anak saya sudah mati dan tidak akan hidup kembali. Itulah peristiwa sebenar yang telah berlaku lebih 40 tahun yang lalu, iaitu pada awal perjuangan bersenjata melawan penjajah British. Tuduhan yang mengatakan saya membunuh anak itu tidak benar dan merupakan suatu fitnah. Sebagai seorang ibu yang telah menyelamatkan anaknya di tengah-tengah hujan peluru tentera penjajah dan bersama-sama pula dengan anak sesat selama empat hari tiga malam dengan penuh sengsara, dan sebagai seorang pejuang kemerdekaan, tergamakkah seorang ibu membunuh anaknya sendiri?

(SHAMSIAH FAKIH)

KUALA LUMPUR 7 Ogos — Seorang bekas teman sekolah Shamsiah Fakih, yed Alwi Syed Hassan, 64, yakin bahawa Kamaruddin Ibrahim yang kini tinggal di China bukan anak sulung hasil perkahwinan Shamsiah dengan suaminya yang pertama Wahi Anwar.

Syed Alwi bekas anggota polis yang pernah bertembung dengan pasangan suami-isteri 'u semasa menjalankan operasi di hutan Negeri Terengganu sekitar tahun 40an yang lalu memberitahu, anak pertama Shamsiah telah meninggal dunia kira-kira 40 tahun lalu.

"Shamsiah dikatakan telah membunuh naknya yang masih kecil hasil rkahwinan dengan Wahi Anwar di wasan hutan. Anak kecil itu dihempas e atas batu setelah Shamsiah kecewa dengan tindakan suaminya menyerah diri kepada polis," katanya.

Menurut Syed Alwi lagi, "maklumat yang diterima ialah Shamsiah menuduh suaminya sebagai dayus kerana menyerah diri kepada polis dan pada pendapat hamsiah anak hasil perkahwinan dengan Wahi tidak boleh dibiar hidup."

Syed Alwi bagaimanapun tidak dapat mempastikan sama ada anak yang mati itu elaki atau perempuan tetapi maklumat ang diterima adalah anak itu telah

Oleh Hassan Mohd. Noor, Md. Noor Che Mat dan Aziz Ishak

Shamsiah menurut Syed Alwi mungkin berkahwin lain selepas berpisah dengan Wahi Anwar dan mungkin juga Kamaruddin adalah anak Shamsiah bersama suaminya yang lain.

Beliau memberitahu demikian sebagai mengulas berita utama Utusan Malaysia/ Utusan Melayu semalam mengenai surat dari anak Shamsiah yang dikenali sebagai Kamaruddin Ibrahim yang sekarang tinggal di Negeri China.

Syed Alwi terkejut membaca berita mengenai anak Shamsiah itu yang sekarang berusia 28 tahun kerana sepanjang pengetahuannya semasa bertugas sebagai anggota polis, anak Shamsiah telah meninggal dunia kira-kira 40 tahun lalu.

"Jika anak itu masih hidup, sudah tentu usianya kini 40 tahun dan berdasarkan fakta inilah saya percaya Kamaruddin bukan anak pertama Shamsiah bersama suaminya yang pertama Wahi Anwar yang kini tidak diketahui di mana dia berada," katanya.

Menceritakan lebih lanjut mengenai diri Shamsiah, Syed Alwi ber... antara tahun

U/M'sia 7 Ogos

Pelang
"Umu
tahun,
yang c
susah,
mentafs
bahasa
katanya
Menur
penget
diketal
melibat
bersama
Shamsia
rakan y
masa b
Syed
meliba
selepas
berada
untuk m
"Setela
diberit
dan be
Perten
saya be
dengan
Telemo
Bagain.



Mustaffa Kamil Ayub ketika melawat Shamsiah Fakeh di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia

Keadilan 24 Apr - 8 mei 2007.

Shamsiah Fakeh dirawat di HUKM

Oleh Lau Tek Hai

NAIB Presiden KeADILan Mustaffa Kamil Ayub menziarahi pejuang kemerdekaan, Shamsiah Fakeh yang kini dirawat di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) pada 20 April lalu. Turut serta adalah Ahli Jawatankuasa Menjana Tenaga Kemenangan (MTK), Onn Abu Bakar dan Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda KeADILan Bandar Tun Razak, Mohd Latif Ibrahim.

Shamsiah, 82, dimasukkan ke HUKM sejak 7 April kerana lemah jantung serta mengidap penyakit paru-paru. Selain menyampaikan salam Presiden KeADILan, Wan Azizah Wan Ismail, Mustaffa juga menyampaikan simpati beliau terhadap Shamsiah yang kini dalam keadaan uzur dan mendoakan Allah memberikan kesihatan semoga Shamsiah cepat sembuh.

Beliau berasa amat terharu dengan semangat gigih yang ditunjukkan Shamsiah dari muda hingga sekarang. Mustaffa menekankan semangat juang Shamsiah boleh dijadikan contoh dan teladan yang baik dalam menentang penjajahan British walaupun perjuangan itu di putar-belitkan dan salah tafsir oleh pihak berkuasa.

"Apa yang boleh dilihat, saya masih merasakan semangat beliau dari cahaya mata yang penuh keyakinan," kata beliau. Mustaffa menyeru agar generasi muda membaca 'Memoir Shamsiah Fakeh' yang diterbitkan UKM kerana buku tersebut memberi gambaran tepat berkenaan perjuangan Shamsiah serta rakan-rakannya.

Shamsiah harap menantu, cucu dapat izin menetap

6.8.94 B.H

KLUANG, Jumaat – Bekas pemimpin parti Komunis Malaya (PKM), Shamsiah Pakeh, 69, terus berharap agar Kerajaan Malaysia memberi keizinan kepada tiga menantu dan cucunya tinggal di negara ini.

Menurutnya, kebenaran itu wajar diberikan sepertiyang diberikan kepada beliau, suaminya, Ibrahim Mohamad, 68, dan tiga lagi anaknya iaitu Shamsuddin, 37, Kamaruddin, 35, dan Jamaluddin, 32.

Katanya, langkah itu bagi memastikan keluarga mereka tidak terpisah sepertimana mereka menjalani kehidupan di China sebelum ini.

"Saya sememang menaruh harapan agar Kerajaan Malaysia meluluskan permohonan saya sekeluarga. Pada masa ini, tiga menantu dan beberapa cucu saya terpaksa ditinggalkan di negara berkenaan.

"Kami tidak mahu berpisah sebab itu kami mahukan Kerajaan Malaysia membenarkan tiga menantu serta cucu saya tinggal di negara ini," katanya kepada Berita Harian selepas ditemui di rumah anak saudaranya Kassim Abdullah di Taman Sri Tengah di sini, malam tadi.